

## **MSM CATAT HASIL RM 516.04 JUTA BAGI S4 2019, MULA LANGKAH SINERGISTIK UNTUK TAHUN 2020**

**KUALA LUMPUR, FEBRUARI 25, 2020** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mencatatkan hasil keseluruhan sebanyak RM 516.04 juta pada S4 2019, penurunan sebanyak 3% berbanding RM 530.85 juta pada suku yang sama tahun lepas. Ini adalah berikutan pengurangan berterusan dalam harga jualan purata (ASP) serta jumlah eksport yang rendah sepanjang tahun. Margin yang negatif berikutan premium gula putih yang rendah telah mengurangkan jumlah eksport sebanyak 27%. Sementara itu, persaingan harga yang sengit turut mengurangkan ASP sebanyak 8% dan 1% bagi segmen Borong dan Industri.

Walaupun bagaimanapun, keseluruhan ASP mempamerkan sedikit peningkatan berbanding S3 2019 berikutan 6% peningkatan dalam ASP bagi segmen Borong susulan pelaksanaan struktur harga borong yang baru, bermula pada Oktober 2019. Sehubungan itu, peningkatan dalam harga jualan telah menyebabkan pengurangan kuantiti segmen Borong serta peningkatan kuantiti segmen Industri.

Bagi tahun yang ditinjau, MSM merekodkan kerugian selepas cukai sebanyak (LAT) RM 299.77 juta berbanding RM 35.61 juta keuntungan selepas cukai (PAT) pada tahun lepas. Penurunan ini terkesan daripada beberapa kombinasi faktor termasuk impak penstrukturan semula pinjaman serta impak RM 90 juta daripada harga NY#11 dan premium pengangkutan yang tinggi berikutan kontrak pembelian gula mentah sebelum ini. Ditambah pula dengan kemerosotan nilai bagi aset-aset tertentu sebanyak RM 140.55 juta turut menjejaskan lagi prestasi kewangan Kumpulan pada tahun 2019.

“Secara strategik, kemerosotan nilai yang tinggi tersebut adalah berkait rapat dengan penilaian yang telah kami lakukan, sebahagian daripada pelan sinergistik untuk memperkasakan keupayaan operasi. Selain itu, kontrak gula mentah sebelum ini yang tamat pada Disember 2019, akan memberikan kelebihan dari aspek perolehan gula mentah strategik yang berpotensi mengurangkan aliran keluar tunai syarikat, di samping memastikan kemampuan bekalan gula mentah yang berkualiti tinggi untuk kilang-kilang penapisan MSM,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato’ Khairil Anuar Aziz.

“Kemerosotan prestasi syarikat adalah berpunca daripada beberapa faktor di luar kawalan seperti kelemahan nilai Ringgit serta persaingan agresif dalam pasaran tempatan dan eksport.



Tetapi, kekangan-kekangan ini akan membuahkan hasil untuk MSM memulakan strategi pemulihan bagi tahun 2020,” tambah beliau.

Dalam usaha untuk mengekalkan kepimpinan dalam pasaran serta kecemerlangan operasi, MSM berjaya melabuh tirai 2019 dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1,073,888 tan, peningkatan 10% berbanding 975,653 tan pada tahun lepas. Walaubagaimanapun, kos pengeluaran meningkat sebanyak 15% berbanding TK 2018 susulan pengkomersialan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor) yang bermula April 2019 melibatkan kapasiti penggunaannya yang rendah dan susut nilai, di samping peningkatan tarif gas pada Januari 2019 dan Julai 2019.

MSM merekodkan kos purata gula mentah yang rendah sebanyak 1.59%, sejajar dengan sedikit pengukuhan dalam nilai Ringgit berbanding Dolar Amerika pada S4 2019 berbanding suku yang sama pada tahun 2018. Ini adalah berikutan harga NY#11 yang mengalakkan pada suku yang ditinjau. Melangkah ke hadapan, margin keuntungan MSM dijangka akan melonjak melalui harga purata jualan yang tinggi sejajar dengan defisit pasaran gula dunia yang turut memberi kesan pada harga dagangan NY#11 dan gula putih. Detik kemanisan dijangka berpihak kepada pengeluar gula terkemuka negara, selaras dengan kekurangan bekalan gula dunia yang akan memperkukuhkan kapasiti MSM untuk menembusi pasaran eksport dan meluaskan jejak global.

Sorotan prospek dan operasi tahun 2020, MSM akan memberikan keutamaan dalam penstrukturan semula perniagaan ke arah penstabilan dan pemulihan melalui strategi pertumbuhan mampan yang merangkumi rasionalisasi kapasiti pengeluaran, kepelbagaian produk hiliran, kajian dan pembangunan (R&D) bagi produk-produk makanan dan bukan berkaitan gula, pelaksanaan projek penjimatan tenaga serta mengukuhkan harga jualan dengan margin yang lebih baik.

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 618.6 milion setakat 31 Disember 2019). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)